

C/N: 8963

1100089222

Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah (U)
Universiti Malaysia Terengganu.



LP 36 FPE 1 2011



1100089222

Impak kemasukan pelancong ke Langkawi terhadap pertumbuhan ekonomi negara / Nur Basirah Muhamad Lazim.

**PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU**

1100089222

Lihat Sebelah

HAK MILIK
PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

**IMPAK KEMASUKAN PELANCONG KE LANGKAWI
TERHADAP PERTUMBUHAN
EKONOMI NEGARA**

NUR BASIRAH BINTI MUHAMAD LAZIM

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2011

**IMPAK KEMASUKAN PELANCONG KE LANGKAWI
TERHADAP PERTUMBUHAN
EKONOMI NEGARA**

NUR BASIRAH BINTI MUHAMAD LAZIM

**PROJEK ILMIAH TAHUN AKHIRINI DIKEMUKAKAN
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA EKONOMI
(SUMBER ALAM)**

**JABATAN EKONOMI
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

2011

PENGAKUAN

Saya akui Projek Ilmiah Tahun Akhir (EKN 4399A/B) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber lain yang telah saya jelaskan rujukannya melalui senarai rujukan yang telah dilampirkan.

TARIKH 15.5.2011

NUR BASIRAH BINTI MUHAMAD LAZIM
UK 16904

DECLARATION

I hereby declare that this Final Year Academic Project (EKN 4399A/B) is the result of my own investigation and finding, except where otherwise stated other sources are acknowledge by giving explicit references is appended.

DATE 15.5.2011

NUR BASIRAH BINTI MUHAMAD LAZIM
UK 16904

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Illahi dengan limpah kurniaNya saya dapat menyiapkan kajian kertas projek tahun akhir ini dengan jayanya. Saya amat berbangga dengan kerjasama dari semua pihak secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang proses pembuatan kertas projek ini.

Ucapan terima kasih saya kepada pihak Universiti Malaysia Terengganu kerana menawarkan kursus ini. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada En Muhammad Najit bin Sukemi, selaku penyelia saya. Saya amat menghormati dan mengagumi segala kesungguhan dan komitmen yang beliau berikan sepanjang tempoh kursus ini dalam memberi tunjuk ajar kepada saya.

Kesempatan ini juga saya ingin menyatakan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerjasama daripada organisasi yang terlibat seperti Tourism Malaysia, Majlis Penggalak Pelancongan Negeri Kedah, Jabatan Perangkaan Terengganu terutamanya dalam proses pemberian maklumat dan data yang perlukan.

Akhir sekali, penghargaan ini ditujukan kepada ibubapa saya, En. Muhamad Lazim bin Hassan dan juga kepada ibu saya, Pn. Rokiah Binti Bakar kerana tidak henti-henti menjadi penasihat yang terbaik dalam memberikan semangat dan juga keyakinan kepada saya. Seterusnya kepada pelajar Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) tahun tiga, kerana kerjasama yang diberikan dalam membantu saya dalam proses menyiapkan laporan ini secara secara langsung mahupun tidak langsung.

Sekian, terima kasih.

NUR BASIRAH BINTI MUHAMAD LAZIM
NO 10, LORONG 72,
TAMAN PETANI JAYA,
08000,SUNGAI PETANI,
KEDAH DARUL AMAN.
ira_basira@yahoo.com

ABSTRAK

Pembangunan Pulau Langkawi terutamanya dari segi pembangunan infrastruktur seperti peningkatan perkhidmatan peginapan dan pengangkutan akan menarik lebih banyak pelancong ke Langkawi dan seterusnya memberi kesan kepada pertumbuhan negara. Perkembangan sektor pelancongan di Langkawi ini juga akan memberi impak kepada penduduk setempat dan seterusnya menaikan taraf hidup mereka. Bagi melihat impak kemasukan pelancong ke Langkawi terhadap pertumbuhan ekonomi negara, kajian ini dilaksanakan menggunakan analisis siri masa bagi tempoh 11 tahun iaitu dari tahun 1999 sehingga 2009. Bagi menjawab objektif yang dirangka, pengkaji menggunakan Ujian Model Pembetulan Ralar Versi Engel-Granger jangka masa panjang. Hasil kajian mendapati wujud hubungan satu hala diantara pemboleh ubah KDNK dengan bilangan tempoh bermalam pelancong dan pembolehubah IHP dengan pemboleh ubah KDNK bagi model pemboleh ubah pelancong tempatan sebagai pemboleh ubah bersandar. Bagi model pemboleh ubah pelancong asing pula, didapati hanya ada hubungan satu hala diantara pembolehubah KDNK dengan bilangan tempoh bermalam pelancong dan pembolehubah IHP dengan pemboleh ubah KDNK. Manakala kesemua pemboleh ubah yang lain dalam kedua-dua kajian menerima hipotesis nol kerana mampu membuktikan bahawa kesemua pembolehubah itu tidak mempunyai hubungan antara satu sama lain atau bukan penyebab Granger masing-masing.

Kata kunci : Pelancongan, pertumbuhan ekonomi, Enger-Granger

ABSTRACT

Development of Langkawi, especially in terms of infrastructure development such as improvement of transport services and lodging will attract more tourists to Langkawi and subsequently affect the growth of the country. The development of tourism in Langkawi will also impact the local population and thus raise their standard of living. To see the impact of the influx of tourists to Langkawi on economic growth, the study was conducted using time series analysis for the 11 years from 1999 to 2009. To answer the objectives outlined, researchers using the test version Engel-Granger long run. The study found one-way relationship exists between the variables of GDP by the number of overnight tourists and CPI variables with the variables of the model variables GDP local tourists as the dependent variable. To model the variables of foreign tourists, there was only one-way relationship between the variables of GDP by the number of overnight tourists and variables within the CPI to the GDP variable. While all other variables in both studies received a null hypothesis being able to prove that all the variables that are not related to each other or not cause Granger respectively.

Key words: Tourism, economic growth, Enger-Granger